



Jabatan  
KEBAJIKAN  
Masyarakat



6 OGOS 2015

## **KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

### **PENEMUAN SERPIHAN PESAWAT MH370**

Saya dan seluruh warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin melahirkan rasa simpati kepada ahli keluarga penumpang dan anak kapal atas pengesahan penemuan serpihan pesawat MH370 yang diumumkan oleh YB Perdana Menteri jam 2.00 pagi tadi. Saya dan seluruh warga Kementerian sentiasa bersama memberi sokongan memandangkan insiden ini meninggalkan banyak kesan kepada keluarga penumpang, anak kapal dan juga Negara.

Oleh yang demikian, bagi membantu memberikan sokongan kepada ahli keluarga penumpang dan anak kapal, pihak KPWKM akan membuka bilik gerakan bermula hari ini (6 Ogos 2015) yang melibatkan Pegawai-pegawai Psikologi terdiri daripada pelbagai bangsa dari semua agensi di bawah KPWKM. Bilik gerakan ini akan dibuka selama 24 jam.

Justeru, pihak keluarga atau agensi yang berkaitan boleh berhubung terus dengan pihak KPWKM melalui Talian KASIH 15999 untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi ataupun menghubungi pihak Kementerian Luar Negeri yang merupakan jawatankuasa Next-Of-Kins bagi insiden ini.

Untuk makluman semua, seramai 20 orang Pegawai Psikologi akan bertugas mengikut jadual syif yang ditetapkan iaitu 7.00 pagi - 12.00 tengahari, 12.00 tengahari - 5.00 petang, 5.00 petang - 10.00 malam dan 10.00 malam - 7.00 pagi.

Dalam situasi seperti ini, khidmat Pegawai Psikologi dapat membantu memberikan sokongan emosi, psikologi dan moral untuk mengurangkan tekanan dan penerimaan ahli keluarga dalam menghadapi berita terkini berkaitan insiden ini.

Sekiranya perlu, KPWKM akan menggerakkan Pegawai Psikologi JKM di peringkat negeri untuk membantu menyampaikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada ahli keluarga yang berada di rumah.

Sokongan psikologikal seumpama ini akan sentiasa diteruskan bagi memastikan kesejahteraan psikologi ahli keluarga yang sentiasa menantikan maklumat terbaru berkenaan tragedi.

Sejak insiden berlaku, sebanyak 56 sesi intervensi telah dijalankan melibatkan 13 buah keluarga. Sesi intervensi yang dijalankan merupakan intervensi krisis, sesi kaunseling, bimbingan dan kelompok keluarga.

Sekali lagi, ingatan dan doa dari saya serta seluruh warga KPWKM terhadap semua penumpang dan anak kapal pesawat MH370 serta seluruh ahli keluarga yang terlibat dalam insiden tersebut.

**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**